



MUKA DEPAN **TERKINI** **GONG** **KOMUNITI** **KENALI KAMI**

:: [Muka Depan](#) > [TERKINI](#) > [Mutakhir](#) > ['Young Women Speak Out' beri ruang bersuara untuk wanita](#)

TERKINI

- [Ad-lib](#)
- [Rencana](#)
- [Mutakhir](#)

[Bajet 2008](#)

MUTAKHIR

'Young Women Speak Out' beri ruang bersuara untuk wanita

02-11-2007 05:58:56 PM
Oleh SALHAN K. AHMAD
salhan@mstar.com.my

"Kebebasan bersuara bukan hak yang mutlak," itulah yang sering kita dengar daripada pemimpin-pemimpin negara apabila kumpulan-kumpulan tertentu menyatakan pandangan yang dilihat berbeza daripada agenda arus perdana.

Pandangan seperti ini juga cenderung dilabel sebagai dipengaruhi oleh "pembangkang" atau lebih serius lagi "pengaruh barat".

Di tengah-tengah isu ini pula adalah adalah soal kebebasan media yang menyediakan ruang untuk suara-suara kelompok tertentu disampaikan kepada umum.

Persoalannya, sejauh mana media dan masyarakat umum dapat mempraktikkan hak ini secara konstruktif dalam pembinaan negara bangsa dan pembangunan sosial di negara ini?

Bulan lalu, timbul saranan daripada Menteri Penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin supaya masyarakat rantau ini mengeneipkan hasil penilaian yang dibuat ke atas kebebasan akhbar yang dibuat oleh Reporters Without Borders (RSF), sebuah organisasi pemerhati media yang berpejabat di Paris.

Zainuddin berkata badan itu tidak berhak untuk menilai kebebasan akhbar di sini kerana ia didorong oleh pasaran, manakala RSF pula bukanlah hakim bagi "nilai-nilai tempatan."

Bekas ketua pengarang kumpulan Utusan Melayu ini mengeluarkan pendapat sedemikian bagi mengulas pengumuman indeks kebebasan media oleh RSF baru-baru ini yang meletakkan Malaysia di tangga 124 -- jatuh 32 anak tangga daripada kedudukan tahun lalu.

Kesemua negara yang menganggotai Kesatuan Eropah (EU) pula berjaya ditempatkan di kedudukan 50 teratas, kecuali Bulgaria dan Poland yang disifatkan sebagai "budak nakal" dalam laporan yang dikeluarkan RSF berkaitan indeks tersebut.

"Negara-negara di utara Eropah selalunya negara yang bersikap paling baik (terhadap media)," laporan itu dipetik.

Antara tokoh yang paling kritikal terhadap kekangan terhadap hak bersuara di Malaysia adalah ketua delegasi EU ke negara ini, Thierry Rommel yang mendakwa pandangannya tidak lagi mendapat liputan daripada akhbar berbahasa Inggeris di negara ini akibat kritiknya terhadap Dasar Ekonomi Baru.

Rommel pada 21 Jun lalu dilaporkan berkata dasar tersebut memperuntukkan perlindungan ke atas sektor automotif, pertanian dan perolehan kontrak kerajaan dan ini boleh memberi kesan terhadap rundingan perdagangan bebas EU-Malaysia yang sedang berjalan.

Beliau mendakwa pandangannya tidak lagi mendapat liputan daripada beberapa akhbar tertentu di negara ini selepas insiden yang "hampir menyebabkan ketegangan diplomatik" itu, walaupun telah membuat penjelasan kepada Wisma Putra berhubung kritiknya itu.

"Anda tahulah betapa rapat (akhbar-akhbar tersebut) dengan Barisan Nasional," katanya kepada *mStar Online* ketika ditemui pada satu majlis

Cari



Rencana

Usaha pelihara
'Permata Air Hitam'
Malaysia
08-01-2008



Undian

Kenaikan harga minyak
menjadikan :

- rakyat marah
- ekonomi tidak stabil
- tak kisah

Undi

pelancaran buku anjuran sebuah All Women Action Society (AWAM).

European Commission (EU) adalah penaja utama bagi buku berjudul *Young Women Speak Out* itu -- hasil daripada Writers for Women's Rights Programme (WWRP), satu siri bengkel penulisan yang juga dibiayai oleh EU.

Rommel menjelaskan, kerajaan pimpinan parti tersebut tidak sepatutnya mengeneipkan pendapatnya kerana itu adalah pandangan atas kapasiti profesional dan bukannya pendapat peribadi.

"Saya amat tidak berpuas hati dengan sesetengah menteri kabinet yang mempengaruhi akhbar supaya tidak melaporkan komen-komen daripada saya. Mereka tidak faham isu sebenar kerana komen tersebut dibuat dengan semangat membina. Saya rasa reaksi sebegini adalah sangat beremosi.

"Itu adalah pandangan EU, kerana saya diberikan mandat untuk bercakap mengenai perkara ini. Anda tidak boleh mengeneipkannya dan kata itu adalah pandangan peribadi," katanya lagi.

"Ini adalah asas kepada demokrasi -- kerajaan perlu memberi kebebasan kepada mereka untuk meluahkan perasaan. Rakyat perlu dibenarkan bercakap supaya mereka boleh memberitahu apakah keperluan-keperluan mereka," katanya yang akan menamatkan perkhidmatan di pejabat kedutaan itu "tidak lama lagi."

"Memandangkan pilihanraya umum semakin dekat, saya harap kempen pemilihan juga akan menjelaskan isu penguatkuasaan ke atas hak asasi manusia, ruang demokrasi dan pentadbiran yang demokratik, yang dipandang berat oleh majoriti masyarakat ini," katanya dalam ucapan terdahulu.

Ditemui di majlis sama, penyunting buku *Young Women Speak Out*, Alina Rastam pula berkata kumpulan rencana, cerpen dan sajak daripada enam orang pengarang muda yang dimuatkan dalam buku itu adalah salah satu cara bagi memperjuangkan hak-hak wanita melalui media.

Katanya, program yang diadakan sejak 2005 itu bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam aktiviti penulisan dan analisis mengenai isu-isu ketidakadilan terhadap wanita.

"Kami membantu mereka mengenalpasti isu-isu mengenai wanita yang dilaporkan di media. Kemudian kumpulan ini akan membincangkan isu-isu tersebut sebelum merangka surat atau rencana yang akan dihantar kepada pengarang akhbar," kata Alina.

Jelasnya, buku tersebut adalah hasil daripada usaha keras para sukarelawan yang menyertai WWRP.

"Mungkin ada yang sangsi dengan kerja sukarelawan. Mengapa orang sanggup berkerja tanpa mendapat apa-apa balasan? Tetapi saya telah mendapat sesuatu yang lebih bermakna daripada wang -- harapan," kata aktivis AWAM itu.

Salah seorang pengarang buku itu, Ng Tze Yeng berkata beliau telah berpeluang untuk menganalisis perubahan-perubahan yang telah dilaluinya sepanjang hidupnya setelah menyertai bengkel WWRP.

"Ia adalah pengalaman yang memperkasakan diri saya secara peribadi. Saya sering berasa marah dan kerdil sebelum ini," kata Ng.

Dalam salah satu rencana yang dimuatkan di dalam buku itu, Ng antara lain menceritakan usahanya untuk menjadi "rakyat global" tanpa terikat dengan hubungan kewarganeraan seperti rakan-rakannya yang gagal keluar daripada kelompok "Kampung Malaysia" -- "walaupun berada di satu tempat yang menawarkan peluang-peluang yang tidak ternilai untuk mengembara dan bereksperimen."

Beliau turut berkongsi pengalamannya apabila dia terpaksa membuat keputusan sama ada untuk melahirkan atau menggugurkan anak di dalam kandungannya, ketika masih belajar di luar negara.

Rencana yang pernah diterbitkan dalam ruangan *Freespace* di akhbar *The Sun* itu turut menjelaskan, pengalamannya semasa belajar di luar negara lebih bermakna berbanding sewaktu berada di negara ini.

Beliau juga merasakan bahawa generasinya telah ditipu dan Dasar Ekonomi Baru telah "menanam perasaan cemburu" di kalangan penduduk bukan Melayu-Islam.

"DEB, bagi saya, dengan segala niat baiknya, telah bertukar menjadi satu alat bagi (golongan) elit pemerintah untuk mengekalkan kuasa, memberi ihsan kebendaan untuk mendapatkan sokongan politik," katanya dalam rencana itu.

Buku *Young Women Speak Out* boleh didapati dengan harga RM15 melalui AWAM di talian 03-7877 4221 atau lawati laman awam.org.my.

